

# Hero teladan kasih haiwan

» *Derita kucing dipotong kaki kerana curi ikan berakhir*

Oleh **Mohd Nasaruddin Parzi**  
mnasaruddin@bh.com.my

► **Kuala Lumpur**

**K**esengsaraan seekor kucing meneruskan hidup dengan dua kaki belakang, selepas kaki hadapannya dipotong seorang peniaga kejam kira-kira enam tahun lalu, berakhir pagi semalam apabila haiwan itu mati akibat leukemia.

Kucing yang dikenali sebagai Hero kerana keupayaannya bertahan meneruskan hidup walau-

pun cedera parah angkara tindakan peniaga restoran yang bearing selepas haiwan itu melarikan seekor ikan, mati pada jam 7.35 pagi.

Kematian Hero yang turut dikenali sebagai Abam, disedari penjaganya, Mohd Hairey Yahya, 34, ketika hendak memberi kucing kesayangan terbahit makan ubat, pagi semalam.

## Uji darah di UPM

Mohd Hairey berkata, Hero disahkan menghidap leukemia sejak Khamis lalu, selepas menjalani ujian darah di makmal Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang.

“Minggu lalu, berat badan Hero susut secara mendadak. Keadaan itu mencetuskan kebimbangan dan membuatkan saya merujuknya untuk rawatan di klinik haiwan dekat Sri Kembangan.



**Mohd Hairey**  
berkongsi berita  
kematian Hero  
di blog dan FBnya.

“Pemeriksaan veterinar mendapati darah Hero semakin berkurangan, manakala sum-sum tulangnya di kesan mengalami jangkitan virus leukemia, menyebabkan penghasilan sel darah merah terhalang.

“Pagi ini, saya terkejut mendapati Hero pergi buat selamalamanya. Kematianya cukup menyedihkan saya kerana di luar

dugaan,” katanya yang menangis ketika dihubungi *BH*, semalam.

## Papa Hero

Mohd Hairey atau mesra dengan dipanggil Papa Hero oleh pengikut blognya, kakimotong.blogspot.com turut memuat naik kematian kucing itu menerusi blog dan facebook berkenaan ‘pagi semalam.

Kematian kucing itu menarik simpati pengikut laman sosial berkenaan yang banyak memaparkan kehidupan Hero serta ku-

cing jalanan yang diselamatkan Mohd Hairey.

Kejadian malang menimpa Hero pernah dipaparkan media termasuk *BH* dan TV3.

Nasib malang Hero disebut dalam Dewan Rakyat pada November tahun lalu apabila Ahli Parlimen Tenggara, Datuk Halimah Mohd Sadique dan Ahli Parlimen Parit Sulong, Datuk Noraini Ahmad, menyifatkan ia wajar dijadikan contoh bagi meningkatkan kesedaran rakyat supaya lebih menyayangi haiwan.